

12 MAY 2000

Umno-Bahas (Parti)

PEMIMPIN MT UMNO PERLU BERSEDIA TERIMA KRITIKAN

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Para pemimpin Umno terutama di peringkat Majlis Tertinggi (MT) harus bersedia menerima kritikan dan melakukan perubahan yang perlu bagi membina semula kekuatan parti.

Wakil Kelantan Datuk Annuar Musa berkata kritikan dan teguran yang datang dari bawah walaupun bersifat kecil tidak harus diketepikan kerana ia boleh membawa kerugian besar kepada parti.

"Bukan semua nasihat adalah betul dan tidak semua kritikan juga adalah salah," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar presiden pada perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Annuar yang dipilih sebagai anggota MT pada pemilihan parti semalam, menekankan perlunya Umno membina semula kekuatannya kerana beliau percaya kekalahan parti itu di beberapa kawasan dalam pilihan raya umum pada 29 Nov lepas berpunca daripada kelemahan parti.

Katanya walaupun Umno meletakkan calon yang baik di Kelantan tetapi tewas kepada PAS meskipun calonnya lemah kerana parti pembangkang itu berjaya membina kekuatan parti.

"Bila parti kuat, letak siapapun boleh menang, kalau parti lemah letak calon yang baik manapun boleh kalah," katanya.

Annuar berkata kekuatan parti harus dipastikan untuk menjamin Umno terus berkuasa kerana jika lemah, kerajaan yang diterajunya sekarang boleh jatuh seperti yang berlaku di beberapa buah negara seperti parti LDP di Jepun dan Golkar di Indonesia.

"Kerajaan yang kuat tidak menjamin parti yang kuat, janganlah kita lalai dengan tugas-tugas kerajaan dan mengabaikan kerja-kerja parti," katanya.

Annuar mahu para pemimpin atasan Umno termasuk Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri memberi masa yang lebih untuk tugas parti di peringkat nasional dengan menjelajah ke seluruh negara seperti yang dilakukan oleh para pemimpin PAS, bagi membina semula kekuatan parti.

"Umno kini sebuah parti yang kuat di atas tetapi lemah di bawah iaitu ibu pejabat parti kaya tetapi cawangan-cawangan miskin," katanya.

Sebagai contoh Annuar berkata kira-kira 80 peratus daripada cawangan Umno di Kelantan, tidak mempunyai lebih daripada RM50 dan keadaan ini menyukarkan mereka untuk menjalankan kegiatan parti.

Beliau berharap ibu pejabat akan mengeluarkan peruntukan atau membenarkan cawangan, bahagian dan badan perhubungan Umno negeri mewujudkan dana sendiri bagi membolehkan mereka bergerak dengan lebih berkesan.

Biro-biro yang diwujudkan oleh MT perlu berfungsi dan aktif dengan kegiatan melalui tugas khusus untuk parti.

Langkah sedemikian akan membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti, yang selama ini lebih bersendirian untuk menjalankan kerja-kerja parti, walaupun sibuk dengan kerja-kerja pentadbiran kerajaan.

Annuar mencadangkan agar MT merangka agenda untuk menghidupkan kegiatan parti, mewujudkan jawatankuasa cerdik pandai Melayu untuk merangka agenda Melayu dengan mengambilkira pandangan semua pihak, melaksanakan konsep parti menguasai kerajaan dan memperkemas ibu pejabat parti dengan kemudahan teknologi maklumat.

-- BERNAMA

AFY LAT